

# Musa Ahmad seru anggota2 PKM keluar dari hutan

KUALA LUMPUR, Khamis — "Keluarlah dari hutan dan bialiklah ke pangkuan masyarakat," begitulah seruan bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya (PKM) Encik Musa Ahmad kepada rakan-rakannya yang kini masih berada di hutan.

Dengan seruan itu, beliau berharap rakan-rakan seperjuangannya dahulu, khususnya pemimpin-pemimpin veteran seperti Rashid Mydin, 64, Ibrahim Chik, 63, Abdullah C.D., 60, dan Abu Samah Kassim, 58, agar keluar dari hutan dan mengenali "alam nyata yang sebenarnya."

"Saya percaya mereka akan kembali ke pangkuan masyarakat jika diberi peluang, lagi-pun mereka itu kini sudah tua.

"Saya juga yakin kerana keadaan umur mereka itu serta 'perjuangan' mereka selama 35 tahun, tentu sekali mereka mempunyai sedikit sebanyak nilai-nilai kemanusiaan untuk mengenal keadaan yang sebenarnya," tambah beliau.

Encik Musa membuat rayuan ini sempena Hari Raya Haji di sidang akhbar di Mes Pegawai Polis di Jalan Perdana di sini petang ini.

Beliau menjelaskan setelah pulang dari negara China dalam tahun 1980 beliau kini hidup sebagai seorang rakyat Malaysia yang bebas.

"Baru-baru ini saya turut menyambut Hari Kebangsaan yang ke-26 serta menyaksikan perarakan yang diadakan.

"Saya kini mengecap hidup yang aman dan bebas. Ini amat berbeza dari perjuangan saya yang sia-sia di dalam hutan belantara dahulu," tegasnya.



ENCIK MUSA AHMAD.

Encik Musa berkata, penghidupan di hutan amat sengsara tanpa sebarang kebebasan individu atau pemikiran.

"Sebagai anggota-anggota komunis mereka mencurigai antara satu sama lain. Mereka juga hidup dalam ketakutan kerana sentiasa diburu oleh anggota-anggota keselamatan negara ini," ujarnya.

Beliau menambah, sebagai seorang yang bebas sekarang ini, beliau banyak mengerjakan amal ibadat dan membuat kerja-kerja yang berfaedah.

Beliau kini sedang giat menulis buku riwayat hidupnya dan persiapan untuk menunaikan haji di Makkah tahun depan.

Katanya, beliau berhasrat untuk menulis buku riwayat hidupnya semata-mata untuk menceritakan dan 'membuka mata' rakan-rakannya di hutan bahawa teori komunisme adalah teori yang gagal.

"Saya juga ingin menceritakan kepada generasi-generasi muda sekarang ini khasnya pemuda-pemuda Melayu supaya jangan terperangkap dengan dakyah komunis itu serta perjuangan mereka yang sia-sia.

"Mereka akan membuat apa sahaja untuk mempengaruhi dan meracuni fikiran para beliau agar mereka itu memasuki pertubuhan mereka," katanya lagi.

Bercakap mengenai Rashid Mydin, Ibrahim Chik, Abdullah C.D. dan Abu Samah Kassim, beliau menjelaskan semuanya masih hidup.